



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KEBERKESANAN KAEDAH KOPERATIF DALAM PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN KARANGAN BAHASA MELAYU TINGKATAN EMPAT***

SALINA BINTI MISRI

FPP 2014 51



**KEBERKESANAN KAEDAH KOPERATIF DALAM PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN KARANGAN BAHASA MELAYU TINGKATAN EMPAT**

Oleh

SALINA BINTI MISRI

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

November 2014

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

KEBERKESANAN KAEDAH KOPERATIF DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN KARANGAN BAHASA MELAYU TINGKATAN EMPAT

Oleh

SALINA BINTI MISRI

November 2014

Pengerusi : Roselan Bin Baki, PhD
Fakulti : Pengajian Pendidikan

Kajian ini bertujuan untuk menilai keberkesanan penggunaan kaedah koperatif terhadap pencapaian kemahiran menulis karangan bagi murid tingkatan empat. Kajian ini merupakan kajian kes dan dijalankan di salah sebuah sekolah menengah kebangsaan di Seremban, Negeri Sembilan. Kajian ini menilai keberkesanan kaedah koperatif dalam meningkatkan skor pencapaian murid dalam kemahiran menulis, skor idea yang relevan dan skor olahan karangan yang menarik.

Kajian ini merupakan kajian eksperimental menggunakan reka bentuk eksperimen kuasi ujian pra dan ujian pasca antara kaedah koperatif dalam meningkatkan pencapaian kemahiran menulis karangan yang digunakan kepada Kumpulan Eksperimen dan teknik tradisional yang digunakan kepada Kumpulan Kawalan. Seterusnya pencapaian keseluruhan menulis karangan akan dibandingkan untuk mendapat perbezaan pencapaian skor melalui ujian pra dan ujian pasca. Data kajian yang dikumpul berupa pencapaian murid dalam bentuk markah skor sebelum dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS bagi mencari perbezaan min pencapaian berasaskan Ujian-t. Kajian ini dijalankan selama enam minggu yang melibatkan 60 murid tingkatan empat sebagai sampel kajian yang terdiri daripada 30 murid Kumpulan Eksperimen dan 30 murid Kumpulan Kawalan yang mempunyai pencapaian dan tahap keupayaan yang sama dalam akademik dan pencapaian Bahasa Melayu semasa peperiksaan Penilaian Menengah Rendah.

Berdasarkan dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa kaedah koperatif dapat meningkatkan skor pencapaian kemahiran menulis karangan Bahasa Melayu bagi murid berpencapaian sederhana dalam mata pelajaran Bahasa Melayu serta meningkatkan penguasaan dalam aspek idea dan olahan.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the Degree of Master of Science

**THE AFFECTIVENESS OF COOPERATIVE TEACHING AND LEARNING
ESSAY IN MALAY LANGUAGE FOR FORM FOUR**

By

SALINA BINTI MISRI

NOVEMBER 2014

Chairperson : Roselan Bin Baki, PhD
Faculty : Educational Studies

This study is to assess the effectiveness in practicing the cooperative method towards the achievement of skilled essay writing for form four students. This is a study case where it has been conducted in one of the high school in Seremban, Negeri Sembilan. This study assesses the cooperative method in increasing the students' achievement score in their writing skills, relevant score ideas Andmodification essay score which are quite impressive.

This study is an experimental research using the experiment model of pre-test and post-test quasi are among the cooperative method in increasing the achievement of skilled essay writing which has been used towards the Experimental Group and the traditional technique which has been used towards the Controlled Group. Next, the achievement of essay writing as a whole is compared to get the score achievement differences through the pre and post- test. The study data collection is the students' achievement in mark scoring before being analyzed using the SPSS content to look for the differences in the min achievement based on the t-Test. This study has been carried out for six weeks involving 60 form four students as the sample study which consisted of 30 Experimental Group of students and 30 Controlled Group of students who have the same achievement and abilities in academic and Malay language competency during the Lower Form Assessment (PMR).

Based on the findings it has been proven that cooperative learning has increased the achievement score ability in writing Malay language essay for students with average achievement in Malay language subject and in addition improved the competency in aspects of ideas and modification.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah s.w.t kerana telah memberikan kekuatan, semangat dan kesabaran untuk saya menyiapkan tesis ini. Sesungguhnya untuk menyiapkan tesis ini penuh dengan cabaran dan rintangan. Walau bagaimanapun, dengan bimbingan, nasihat, sokongan, dan kerjasama daripada pelbagai pihak alhamdulillah semuanya dapat diharungi jua. Dengan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan yang tidak terhingga kepada mereka yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam penghasilan tesis ini.

Kepada Dr Roselan Bin Baki yang banyak memberikan tunjuk ajar. Jasa beliau dalam memberikan idea-idea dan juga kata-kata semangat bagi menghasilkan penulisan yang baik merupakan pengalaman yang amat bermakna dan akan sentiasa tersemat dalam lipatan memori. Begitu juga ribuan terima kasih kepada Dr Fadzilah Binti Abd Rahman yang mudah memberikan kerjasama untuk saya menyiapkan tesis ini.

Kepada bonda Katinah Binti Abu Bakar dan arwah ayahanda Misri Bin Setamar yang banyak berjasa dan tidak pernah jemu memberi semangat kepada anakanda untuk terus berjaya. Kepada suami tercinta, Mohd Imran Bin Mohd Bidin, kasih sayang, kesabaran dan dorongan kanda menjadi penguat dan semangat diri ini. Kepada anakku yang dikasihi Muhammad Irfan, anakanda penguat semangat untuk ibu terus berusaha dan berjaya.

Kepada sahabat yang banyak membantu Indah Eyah Binti Abu Samah, jasmu hanya Allah yang membalasnya.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut :

Roselan bin Baki, PhD

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Fadzilah Binti Abd Rahman, PhD

Fakulti Pengajian Pendidikan
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)



BUJANG BIN KIM HUAT, PhD

Profesor and Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Date:

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan :

Dengan ini diperakukan bahawa :

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami ;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : Roselan bin Baki, PhD

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Fadzilah Binti Abd Rahman, PhD

JADUAL KANDUNGAN

Halaman

ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	v
SENARAI JADUAL	xi
SENARAI RAJAH	xii
SENARAI SINGKATAN	xiii

BAB

1 PENDAHULUAN

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Pernyataan Masalah	2
1.3	Objektif Kajian	5
1.4	Hipotesis Kajian	5
1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Batasan Kajian	6
1.7	Definisi Operasional	7
1.7.1	Keberkesanan	7
1.7.2	Kaedah Pembelajaran Koperatif	7
1.7.3	Kaedah Tradisional	8
1.7.4	Karangan	8
1.8	Kesimpulan	9

2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	10
2.2	Definisi Karangan	10
2.2.1	Karangan Jenis Argumentatif	10
2.2.2	Penguasaan Idea Karangan	11
2.3	Kaedah Pembelajaran Koperatif	12
2.3.1	Ciri-ciri Pembelajaran Koperatif	12
2.4	Teori Kognitif Gagne	13
2.4.1	Teori Gagne dalam Proses Penulisan	14
2.4.2	Model dalam Pembelajaran Koperatif	14
2.4.2.1	Model Student Team-Achivement Divisions (STAD)	14
2.4.2.2	Model Team-Games-Tourments (TGT)	15
2.4.2.3	Model Cooperative Integrated Reading And Composition (CIRC)	15
2.4.2.4	Model Group Investigation	16
2.4.2.5	Model Learning Together	16
2.4.3	Prosedur dan Pelaksanaan Model STAD (Student Team Achievement Divisions)	17
2.4.3.1	Pengajaran Secara Kelas oleh Guru (Class Presentations)	17
2.4.3.2	Kumpulan/Pasukan (Team)	17

2.4.3.3	Kuiz (Quizzes)	18
2.4.3.4	Peningkatan Skor Individu (Individual Improvement Scores)	18
2.4.3.5	Anugerah Kumpulan/Pasukan (Team Recognition)	19
2.5	Ciri-ciri Karangan yang Bermutu	21
2.6	Kaitan Pembelajaran Koperatif dengan Penulisan Karangan	21
2.7	Kajian Berkaitan Pengajaran dan Pembelajaran Koperatif Aspek Penulisan Karangan	22
2.8	Kajian Berkaitan Kaedah Pengajaran Menggunakan Kaedah Koperatif	24
2.9	Katanga Teoritikal Kajian	26
2.10	Kerangka Konseptual Kajian	27
2.11	Kesimpulan	28
3	METODOLOGI KAJIAN	29
3.1	Pengenalan	29
3.2	Reka Bentuk Kajian	29
3.3	Tempoh Kajian	33
3.4	Tempat Kajian	34
3.5	Populasi dan Persampelan	34
3.6	Pemboleh ubah Bersandar	35
3.7	Pemboleh ubah Tidak Bersandar	35
3.7.1	Kaedah Pengajaran Koperatif	36
3.7.2	Kaedah Pembelajaran Tradisional	37
3.8	Instrumen Kajian	38
3.9	Pengawalan Gangguan Kesahan	43
3.9.1	Gangguan Kesahan Dalaman	43
3.9.2	Gangguan Kesahan Luaran	44
3.10	Kesimpulan	45
4	DAPATAN KAJIAN	
4.1	Pengenalan	46
4.2	Analisis Sampel Kajian	46
4.3	Analisis Pengujian Hipotesis	46
4.3.1	Hipotesis Pertama	47
4.3.2	Hipotesis Kedua	47
4.3.3	Hipotesis Ketiga	50
4.3.4	Hipotesis Keempat	51
4.3.5	Hipotesis Kelima	52
4.3.6	Hipotesis Keenam	53
4.3.7	Hipotesis Ketujuh	53
4.3.8	Hipotesis Kelapan	54

4.4	Kesimpulan	55
5	PERBINCANGAN, RUMUSAN DAN CADANGAN	56
5.1	Pengenalan	56
5.2	Perbincangan	56
5.3	Rumusan Kajian	57
5.4	Cadangan	58
5.5	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	59
	BIBLIOGRAFI	61
	LAMPIRAN	68
	BIODATA PELAJAR	84



SENARAI JADUAL

Jadual		Halaman
2.1	Mata Peningkatan Skor	18
2.2	Contoh Lembaran Skor Kuiz Setiap Pelajar	19
2.3	Kriteria Anugerah Kumpulan	19
2.4	Contoh Lembaran Skor Kumpulan	20
3.1	Sesi Pengajaran Menggunakan Kaedah Koperatif	37
3.2	Sesi Pengajaran Menggunakan Kaedah Konvensional	38
3.3	Perbezaan antara Kumpulan Pembelajaran Koperatif Dengan Kumpulan Pembelajaran Tradisional	45
4.1	Bilangan Sampel Kajian	46
4.2	Kolmogorov Smirnov bagi Ujian Pra dan Pos Karangan Bahasa Melayu Murid Tingkatan Empat	47
4.3	Perbezaan antara Min Skor Ujian Pra Kumpulan Eksperimen dengan Min Skor Ujian Pra Kumpulan Kawalan	47
4.4	Perbezaan Min Skor Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen dengan Min Skor Ujian Pasca Kumpulan Kawalan	48
4.5	Taburan Markah Penulisan Karangan antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan Peringkat Ujian Pra dan Ujian Pasca	49
4.6	Analisis Perbandingan Min Skor Ujian Pra dengan Min Skor Ujian Pasca bagi Kumpulan Eksperimen	50
4.7	Perbandingan Markah Pencapaian Menulis Karangan Peringkat Ujian Pra dan Ujian Pasca Murid Kumpulan Eksperimen	50
4.8	Analisis Perbandingan Min Skor Ujian Pra dengan Min Skor Ujian Pasca Bagi Kumpulan Kawalan	51
4.9	Perbandingan Markah Pencapaian Menulis Karangan Peringkat Ujian Pra dan Ujian Pasca Murid Kumpulan Kawalan	51
4.10	Analisis Perbandingan Min Skor Ujian Pra dengan Min Skor Ujian Pra Bagi Kumpulan Kawalan	52
4.11	Analisis Perbandingan Min Idea Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen dengan Min Idea Ujian Pasca Kumpulan Kawalan	53
4.12	Analisis Perbandingan Min Olahan Ujian Pra Kumpulan Eksperimen dengan Min Olahan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan	54
4.13	Analisis Perbandingan Min Olahan Ujian Pasca Kumpulan Eksperimen dengan Min Olahan Ujian Pasca Kumpulan Kawalan	54

SENARAI RAJAH

Rajah		Halaman
2.9	Kerangka Teoritikal Kajian	26
2.10	Kerangka Konseptual Kajian	27



SENARAI SINGKATAN

KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
P&P	Pengajaran dan Pembelajaran
PMR	Penilaian Menengah Rendah
ABM	Alat Bantu Mengajar



BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menggariskan matlamat pendidikan Bahasa Melayu bertujuan membimbing murid-murid menguasai kecekapan berbahasa untuk berkomunikasi dengan berkesan bagi melahirkan fikiran dan perasaan tentang ilmu pengetahuan, hal-hal persendirian dan kemasyarakatan dalam konteks rasmi, tidak rasmi dan kreatif melalui lisan dan penulisan selaras dengan dasar pendidikan kebangsaan. Selain itu, amalan bahasa Melayu merentas kurikulum dalam sistem pendidikan di negara ini juga merupakan satu wahana bagi menyahut cabaran ini.

Apabila menyentuh soal pendidikan bahasa Melayu, kita tidak dapat lari daripada memperkatakan tentang proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) Bahasa Melayu di bilik darjah. Proses P&P adalah seperti akar tunjang yang akan menentukan teguh atau tidaknya sebatang pohon itu. Jika akar tunjangnya kuat, mantap dan teguh, pohonnya juga kuat, mantap dan teguh. Begitu juga proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di bilik darjah dapat dilaksanakan dengan berkesan dan mencapai matlamat pendidikan Bahasa Melayu yang telah dinyatakan di atas tadi, maka kedudukan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan dan bahasa rasmi di negara ini juga akan tetap kuat, mantap dan teguh.

Ahli pendidik mengakui bahawa kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling tinggi dalam senarai kemahiran berbahasa. Antara empat kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis, kemahiran menulis hanya akan dikuasai oleh seseorang setelah mereka menguasai kemahiran berbahasa yang lain. Kemahiran ini tidak boleh dianggap mudah oleh pendidik bahasa terutamanya dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bahasa secara keseluruhannya. Oleh sebab itu, (Chance, 1973) berpendapat bahawa salah satu kemahiran bahasa yang sukar diajar dan dinilai ialah kemahiran menulis. Beliau juga menjelaskan bahawa kemahiran mendengar dan bertutur merupakan kemahiran semula jadi bagi seseorang individu yang normal. Manakala kemahiran membaca dan menulis merupakan kemahiran yang perlu dipelajari.

Selain itu, kemahiran menulis karangan bukan sahaja bersifat kompleks, tetapi ianya kadang kala sukar diikuti oleh murid. Hal ini diakui oleh (Heaton, 1988) dan (Byrne, 1982) yang menjelaskan bahawa kesukaran tersebut berkait rapat dengan komponen serta ciri-ciri hasil penulisan karangan yang baik yang sepatutnya ada pada sesebuah karangan iaitu :

- i. Penggunaan bahasa yang cekap;
- ii. Kemahiran mekanikal;
- iii. Pengolahan isi;

- iv. Unsur stilistika;
- v. Kemahiran memilih dan menentu

Kemahiran menulis melibatkan beberapa pengetahuan tentang komponen-komponen menulis yang meliputi aspek isi (penghasilan idea-idea), bentuk (organisasi isi), tatabahasa (penggunaan bentuk-bentuk gramatikal dan pola-pola sintaksis), gaya (pemilihan struktur-struktur dan butiran leksikal yang bertujuan memberi kesan kepada penulisan), dan mekanis (penggunaan tanda-tanda tertentu dalam penulisan) (Marohaini Yusof, 2004).

Beliau juga mengakui bahawa dalam konteks penjanaaan idea, penekanan harus diberi terhadap kaedah pembelajaran yang boleh mendorong murid untuk berfikir secara kritis dan kreatif dalam bidang penulisan. Hal ini perlu bagi membantu murid memperkembang idea semasa proses menulis dijalankan. Tambahan pula, peringkat penulisan pertama, penulis perlu berfikir secara kreatif untuk menyenaraikan isi, idea atau fakta. Pada peringkat penulisan lain, penulis perlu berfikir secara kritis untuk menilai, mengadun, menghurai dan menyusun isi, idea atau fakta tadi supaya menjadi sebuah wacana yang berkesan.

Oleh itu, Kementerian Pendidikan Malaysia menegaskan hal ini dalam sukatan pelajaran Bahasa Melayu KBSM iaitu kemahiran penulisan khususnya karangan merupakan sebahagian daripada komponen wajib yang perlu dipelajari oleh murid. Di peringkat sekolah menengah atas, objektif pengajaran karangan adalah bertujuan untuk melahirkan murid yang berupaya menyampaikan idea tentang ilmu pengetahuan dan kegiatan harian dalam bentuk penulisan, di samping menggalakkan murid menghasilkan penulisan karangan kreatif berdasarkan pemikiran mereka secara kritis dan analitis.

Walau bagaimanapun, untuk panduan terkini kita boleh merujuk kepada KSSM yang akan dilaksana bagi menerap gabungan ilmu dan kemahiran yang seimbang seperti fikiran kreatif, inovasi, penyelesaian masalah dan kepimpinan. Justeru, Kementerian Pendidikan Malaysia telah memperkenalkan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) menjelang 2017. Kurikulum standard ini dirangka berdasarkan tanda aras antarabangsa bagi memastikan murid dan pelajar di negara ini mampu bersaing di peringkat global. Menerusi anjakan ketiga berkenaan 'develop values-driven Malaysians' (membina warga Malaysia yang berpandukan nilai), beliau berkata pedagogi pendidikan akan disemak semula untuk melibatkan lebih banyak aktiviti main peranan, simulasi, perbincangan, dan tugas dalam kumpulan kecil.

Bagi melahirkan pelajar yang mampu bersaing di peringkat global selaras dengan dasar KSSM, guru memainkan peranan utama dalam memastikan objektif KSSM tercapai. Bagi mencapai objektif di atas pelbagai kaedah boleh digunakan. Hal ini demikian kerana keberkesanan sesuatu proses pengajaran dan pembelajaran itu bergantung kepada pengolahan strategi, pendekatan, kaedah dan teknik serta penggunaan alat

bantuan mengajar yang dapat merangsang dan menggalakkan murid berfikir, berkomunikasi dan berinteraksi.

Sebagai perancang, guru perlu bijak memilih apakah strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang sesuai untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Bersesuaian dengan perkembangan dan perubahan dalam sistem pendidikan negara, strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang akan digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mestilah sejajar dengan perkembangan semasa. Hal ini bermakna strategi, pendekatan, kaedah dan teknik yang digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah boleh menjadikan murid lebih produktif dan kreatif. Bersesuaian dengan saranan Kementerian Pendidikan Malaysia, kaedah pembelajaran kooperatif sesuai untuk diamalkan.

1.2 Pernyataan Masalah

Masalah yang sering dihadapi oleh murid dalam proses penulisan adalah untuk memulakan penulisan. Untuk memulakan penulisan bukanlah sekadar persoalan kebolehan semata-mata atau soal pengetahuan tentang sesuatu kerana pakar yang berpengetahuan dan berkemahiran juga turut menghadapi masalah yang serupa (Flower, 1985 dalam Roselan baki,2003).

Kelemahan dalam menulis karangan adalah salah satu punca murid gagal mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan khususnya Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia. Kelemahan murid dalam penulisan karangan juga tidak dapat dinafikan dengan kaedah yang digunakan oleh guru semasa mengajar menulis dalam kelas. Kaedah pengajaran yang digunakan dalam kelas menjadi salah satu faktor yang membuatkan murid menjadi pasif dan kurang berinteraksi sesama rakan dalam melakukan tugas (Roselan Baki, 2003). Cara dan gaya pengajaran guru dalam kelas lebih kepada memberi pendedahan secara menyeluruh tentang sesuatu tajuk dan mengamalkan pendekatan membincangkan isi untuk menghabiskan sukatan pelajaran. Tambahan pula, suasana dalam kelas lebih berorientasikan peperiksaan iaitu memberi penekanan kepada pencapaian akademik semata-mata.

Kebanyakan guru memainkan peranan utama dalam pengajaran kemahiran penulisan khususnya dalam memberikan isi-isi karangan. Murid kurang dilatih untuk meneroka maklumat sendiri melalui pelbagai bahan sumber. Selalunya guru mengawal dari segi isi, bukan berperanan membantu menyaring dan menyusun maklumat yang telah diteroka oleh murid. Sebenarnya, kawalan begini akan mendorong murid terlalu banyak bergantung kepada guru yang seterusnya akan menyebabkan murid kurang berkemahiran untuk mengarang.

Dalam konteks ini beberapa kajian telah dijalankan bagi melihat pencapaian penulisan pelajar menggunakan beberapa kaedah khususnya menggunakan kaedah kooperatif. Terdapat kajian yang telah dijalankan berkaitan keberkesanan penggunaan kaedah

koperatif dalam penulisan karangan namun kajian yang memfokuskan kepada pembelajaran koperatif dalam pengajaran dan pembelajaran murid yang berpencapaian sederhana kurang dijalankan khususnya dalam subjek Bahasa Melayu. Tambahan pula, kajian lebih berfokus kepada aspek-aspek lain khususnya tatabahasa. Penyelidikan terhadap keberkesanan penggunaan kaedah pembelajaran koperatif lebih memberi tumpuan kepada aspek lain seperti Keberkesanan Penggunaan Kaedah Pembelajaran Koperatif (Cooperative Learning) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Aspek Tatabahasa Bahasa Melayu di Sekolah Menengah Rendah (Dayang Rositer Bte Awang Ibrahim, 2001).

Menurut (Nawi Ismail, 2006) ramai calon hanya berada pada tahap sederhana dan lemah sahaja. Lembaga Peperiksaan Malaysia dan Majlis Peperiksaan Malaysia saban tahun melaporkan kelemahan calon yang menduduki peperiksaan PMR dan SPM dalam penulisan karangan. Masalah yang dikenal pasti ialah kelemahan idea, kelemahan teknik mengarang, dan kelemahan bahasa. Menurut beliau juga pernyataan isi yang sama atau hampir sama berulang-ulang dan murid menulis bahagian pendahuluan yang meleret-leret. Atas kelemahan-kelemahan seperti inilah murid tidak mampu untuk mencapai tahap cemerlang mahupun kepujian dan sekadar mendapat markah sekitar tahap baik sahaja.

Dapatan tersebut telah diperkukuhkan oleh (Mahzan Arshad, 2003) yang menyatakan faktor yang menyebabkan kemerosotan pencapaian murid dalam kemahiran menulis adalah disebabkan oleh sikap negatif terhadap aktiviti penulisan. Sikap negatif ini bersangkut paut dengan amalan pengajaran guru di dalam kelas. Kebanyakan guru hanya memfokuskan untuk memenuhi kehendak silibus mata pelajaran sehingga mengabaikan kehendak murid seperti perhatian, sokongan dan bantuan semasa proses menulis dijalankan.

Murid juga menghadapi masalah dalam memberikan idea atau isi penting selepas guru memberi tajuk karangan (Afnia Sundari, 2010). Mereka bermasalah dalam menentukan isi penting, mengolah ayat dan memberikan contoh yang sesuai. Oleh sebab inilah murid tidak dapat menyampaikan gagasan idea mereka dengan jelas dan mantap. Murid seharusnya menguasai kemahiran menulis untuk menghurai fakta-fakta yang tepat, berupaya mengolah isi dengan jelas dalam bentuk ayat yang teratur dan meyakinkan. Faktor inilah yang menyebabkan kemahiran menulis itu penting untuk dipelajari dan perlu dilaksanakan berdasarkan penguasaan kemahiran mengikut tahap-tahapnya secara sistematik. Kenyataan ini disokong oleh (Suhaimi Yunus, 2009) yang menyatakan kemahiran menulis begitu penting dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu bukan sahaja untuk menduduki peperiksaan malahan untuk kejayaan akademik dalam sistem persekolahan di seluruh dunia.

Berdasarkan masalah-masalah yang dinyatakan di atas, maka satu kaedah pengajaran karangan yang berkesan dan situasi pembelajaran yang sesuai perlu diterokai dan diamalkan di dalam bilik darjah. Salah satu kaedah pengajaran yang mungkin dapat menyelesaikan masalah dan dapat memenuhi kriteria perubahan seperti yang dikehendaki dan dinyatakan di atas ialah kaedah pembelajaran koperatif. Oleh itu,

pengkaji mengambil keputusan untuk membuat kajian tentang Keberkesanan Kaedah Koperatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Karangan Bahasa Melayu Tingkatan Empat.

1.3 Objektif Kajian

Objektif am kajian ini adalah untuk melihat keberkesanan kaedah pembelajaran koperatif dalam aspek karangan Bahasa Melayu dalam kalangan murid tingkatan empat. Objektif khusus kajian ini ialah :

- i. Mengetahui perbezaan skor ujian pra dan ujian pasca pencapaian penulisan karangan antara Kumpulan Eksperimen dan Kumpulan Kawalan.
- ii. Mengetahui terdapat perbezaan yang signifikan dalam ujian pra dan ujian pasca penguasaan aspek idea dan aspek olahan dalam penulisan karangan Kumpulan Eksperimen dengan Kumpulan Kawalan.

1.4 Hipotesis Kajian

Kajian ini mengandungi lapan hipotesis Nul iaitu:

- i. **Ho1**
Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min skor ujian pra Kumpulan Eksperimen dengan min skor ujian pra Kumpulan Kawalan.
- ii. **Ho2**
Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min skor ujian pasca Kumpulan Eksperimen dengan min skor ujian pasca Kumpulan Kawalan.
- iii. **Ho3**
Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min skor ujian pra dengan min skor ujian pasca bagi Kumpulan Eksperimen.
- iv. **Ho4**
Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min skor ujian pra dengan min skor ujian pasca bagi Kumpulan Kawalan.
- v. **Ho5**
Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min idea ujian pra Kumpulan Eksperimen dengan min idea ujian pra Kumpulan Kawalan.
- vi. **Ho6**
Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min idea ujian pasca Kumpulan Eksperimen dengan min idea ujian pasca Kumpulan Kawalan.
- vii. **Ho7**

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min olahan ujian pra Kumpulan Eksperimen dengan min olahan ujian pasca Kumpulan Kawalan.

viii. Ho8

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min olahan ujian pasca Kumpulan Eksperimen dengan min olahan ujian pasca Kumpulan Kawalan.

1.5 Kepentingan Kajian

Masalah murid tidak berminat untuk belajar karangan merupakan masalah yang sering ditimbulkan dalam kalangan guru. Murid ketandusan idea dan olahan karangan juga tidak menarik. Oleh itu, hasil kajian ini diharap dapat membantu guru-guru Bahasa Melayu mempelbagaikan kaedah pengajaran yang mungkin akan dapat mengatasi masalah tersebut dan membuka minda guru bahawa terdapat pelbagai kaedah pengajaran yang boleh dicuba dan diaplikasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu khususnya dengan menggunakan kaedah koperatif ini berbanding kaedah konvensional. Dengan cara ini pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu akan menjadi lebih menarik dengan penglibatan murid sepenuhnya di dalam kelas.

Selain itu, kajian ini diharap dapat memberi gambaran tentang kebaikan dan keberkesanan kaedah pembelajaran koperatif dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Melalui cara ini, pihak-pihak tertentu khususnya Kementerian Pelajaran Malaysia boleh mengambil inisiatif untuk menyebarkan maklumat dan pengetahuan tentang potensi kaedah ini dengan mengadakan bengkel, kursus, buku-buku panduan, mahupun modul-modul bagi memenuhi keperluan guru dan murid. Kerjasama dengan Guru Cemerlang mahupun Jurulatih Negeri boleh diadakan untuk memastikan pelaksanaan serta penggunaan kaedah ini di dalam bilik darjah dapat dijalankan secara sistematik, menarik dan berkesan.

Akhirnya, kajian ini diharap dapat merangsang dan menggalakkan para pendidik untuk sentiasa mencuba dan berusaha memperbaiki dan meningkatkan prestasi diri dan kerjaya melalui pelbagai kajian tindakan dan amalan refleksi untuk meningkatkan kemahiran pengajaran dalam usaha untuk memartabatkan profesion perguruan. Kajian ini juga diharap dapat memperkaya wahana ilmiah dalam penyelidikan yang menjurus kepada pedagogi Bahasa Melayu khususnya dalam bidang penulisan karangan selain dapat memberi panduan kepada penyelidik-penyelidik lain yang berminat untuk mengkaji penggunaan kaedah koperatif dalam pengajaran karangan di dalam bilik darjah.

1.6 Batasan Kajian

Dalam kajian ini, beberapa batasan kajian telah dikenal pasti. Kajian ini hanya memberi fokus kepada murid sekolah menengah atas iaitu murid tingkatan empat. Oleh

itu, hasil dapatan kajian tidak dapat digunakan bagi membuat rumusan untuk murid-murid tingkatan lain. Oleh kerana subjek kajian ini agak terhad, hasil kajian ini juga tidak boleh digeneralisasikan sebagai satu kesimpulan untuk mewakili murid tingkatan empat seluruh Malaysia. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini akan dapat memberi gambaran tentang keberkesanan potensi kaedah pembelajaran koperatif jika diaplikasikan di bilik darjah.

Kaedah pengajaran yang digunakan ialah kaedah pembelajaran koperatif yang akan dibandingkan dengan kaedah pengajaran tradisional. Kaedah pembelajaran koperatif digunakan kerana kaedah ini lebih menekankan pembelajaran secara kumpulan yang bersesuaian dengan saranan dalam proses pengajaran dan pembelajaran KBSM di sekolah menengah. Subjek yang dipilih ialah murid tingkatan empat di Sekolah Menengah Kebangsaan Panchor, Seremban. Kajian dijalankan selama enam minggu dan melibatkan 60 murid. Kajian ini dijalankan kepada kumpulan murid yang mempunyai tahap pencapaian sederhana iaitu merujuk kepada keputusan B dan C yang diperoleh semasa peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun 2012.

Kajian ini juga terbatas kepada pengumpulan data berkaitan keberkesanan kaedah koperatif dalam penulisan karangan Bahasa Melayu sahaja. Sebarang justifikasi untuk mendapatkan dapatan yang diperoleh bagi membuat generalisasi bagi mata pelajaran lain seperti Bahasa Inggeris, Bahasa Cina mahupun Bahasa Tamil adalah tidak tepat dan tidak wajar. Kajian lain perlu dilakukan jika ingin mengenal pasti kesan kaedah ini.

1.7 Definisi Operasional

Dalam kajian ini penggunaan beberapa istilah dan konsep perlu dijelaskan. Antara istilah penting yang berkaitan ialah :

1.7.1 Keberkesanan

Perkataan keberkesanan ber DVDO GDULSDGD SHUNDWDDQ μNHVDQ¶ . H sesuatu sama ada kebaikan atau keburukan yang timbul daripada sesuatu perbuatan, tindakan atau kesudahan, hasil atau akibat daripada sesuatu (Dayang Rositer Bte Awang Ibrahim, 2001). Dalam konteks kajian ini keberkesanan boleh diistilahkan sebagai hasil atau akibat yang terjadi daripada penggunaan kaedah pembelajaran koperatif dan kaedah pembelajaran tradisional dalam proses pengajaran dan pembelajaran karangan di bilik darjah.

1.7.2 Kaedah Pembelajaran Koperatif

Johnson dan rakan-rakan (1984:2) menjelaskan pembelajaran koperatif merupakan satu kaedah pengajaran bekerjasama dalam satu kumpulan untuk mencapai sesuatu matlamat pembelajaran. Murid akan dibahagikan dalam kumpulan kecil yang diarah

untuk belajar sesuatu perkara dan dalam pada masa yang sama semua ahli kumpulan mesti dapat mempelajari dan menguasai perkara yang sama.

Pembelajaran koperatif mengikut (Slavin, 1995) ialah :

...merupakan satu kaedah pengajaran yang membahagikan murid kepada kumpulan kecil untuk belajar, bekerjasama dan saling membantu antara satu sama lain dalam menguasai sesuatu bahan pelajaran...

Dalam konteks kajian ini, kaedah pembelajaran koperatif merujuk kepada suatu kaedah mengajar yang membahagikan murid kepada kumpulan-kumpulan kecil supaya murid boleh belajar secara bekerjasama untuk mencapai matlamat atau objektif pembelajaran di bilik darjah.

1.7.3 Kaedah Tradisional

Kaedah tradisional merujuk kepada cara mengajar yang menggunakan pendekatan berpusatkan guru. Dalam kaedah tradisional 90% daripada proses pengajaran dan pembelajaran aspek karangan berpusatkan guru. Guru banyak memberi penerangan tentang isi-isi penting beserta huraian. Kaedah ini juga tidak banyak melibatkan murid dan komunikasi berbentuk sehalu. Selari dengan pandangan (A. Dahlan Rais, 2007) kaedah tradisional merujuk kepada cara pengajaran yang menggunakan pendekatan yang lebih berpusatkan guru dan lebih mementingkan produk atau hasil penulisan itu sahaja.

Dalam kajian ini, kaedah tradisional merujuk kepada kaedah yang digunakan untuk kumpulan kawalan bagi mengajar penulisan karangan. Kaedah ini juga bertindak sebagai pemboleh ubah bebas.

1.7.4 Karangan

Dalam konteks kajian ini, karangan merujuk kepada karangan jenis perbincangan yang digunakan sebagai bahan ujian. Hal ini demikian kerana karangan jenis ini memerlukan pernyataan isi atau fakta yang lengkap beserta huraian sokongan yang mengandungi contoh yang relevan agar diterima dan difahami pembaca.

Menurut (Noresah Baharom, 2002) karangan ialah gubahan, ikatan, susunan; misalnya novel itu adalah karangan A Samad Said. Selanjutnya karangan juga boleh diertikan sebagai rekaan, ciptaan, susunan, gubahan dan komposisi atau karya. Seterusnya karangan merupakan satu cara berhubung yang bersifat tidak langsung. Hal ini demikian kerana melalui penulisan maklumat akan disampaikan tanpa pertentangan muka secara langsung (Nik Safiah Karim, 1986). Kamarudin Husin (1986) yang PHPHWLN GDUL = D¶ED PHQ\DW DNDQ NDUDQJDQ DGD atau kemahiran mengubah dan menyusun kata-kata untuk dijadikan rangkai kata seterusnya ayat yang lengkap. (Awang Sarian, 2004) pula mentakrifkan karangan atau

penulisan adalah satu proses mekanis yang melibatkan penguasaan alat dan teknik untuk mengungkapkan gagasan atau pemikiran termasuklah pemilihan kata yang tepat, penggunaan ayat yang berkesan, penggunaan tanda baca dan ejaan yang betul serta pemerenggan yang wajar (Awang Sariyan, 1991).

1.8 Kesimpulan

Bab ini telah membincangkan kepentingan kemahiran menulis karangan yang perlu ada kepada seseorang murid. Turut dibincangkan tentang beberapa isu yang wujud dalam pendidikan bahasa Melayu bagi menyokong permasalahan kajian ini. Tumpuan diberi kepada penggunaan strategi pengajaran dan pembelajaran bagi meningkatkan keberkesanan peranan pendidikan. Akhirnya pengkaji mengemukakan pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian dan definisi operasional yang digunakan dalam kajian ini. Bab berikutnya akan membincangkan secara terperinci tentang teori dan sorotan kajian berkaitan dengan keberkesanan kaedah koperatif ini dalam pengajaran dan pembelajaran karangan.

BIBLIOGRAFI

- A. Dahlan Rais. (2007). Penerapan Pendekatan Proses dalam Pembelajaran Menulis Berbahasa Inggris pada Siswa Kelas IX SMP Negeri 2 Jaten, Kabupaten Karanganyar . *Jurnal pendidikan Vol19* , 88-99.
- Abdul Sukor. (2001). Penulisan Karangan : Beberapa Proses yang harus Dilalui oleh Pelajar. *Dewan Bahasa. Jilid 1. Bil. 2* , 24-27.
- Afnia Sundari. (2010). *Peningkatan Kemampuan Menulis Narasi dengan Model Pembelajaran Kooperatif Teknik Student Teams Achivement pada Siswa Kelas IV:Thesis Sarjana*. Indonesia: Universitas Sebelas Maret.
- Ali Mahmood. (2005). *Kesan Latihan Wacana Secara Sistematis Terhadap Kemahiran Menulis Esei Argumentatif, Thesis PHD*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Alwasilah, A. d. (2007). *Pokoknya Menulis*. Bandung: Kiblat.
- Ang Huat Bin. (2001). *Konsep dan Kaedah Pengajaran dengan Penekanan Pendidikan Inklusif*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn Bhd.
- Ari Sutrisno. (2010). *Upaya Meningkatkan Keterampilan Menulis Deskripsi Melalui Pendekatan Contextual Teaching And Learning (CTL) Pada Siswa Kelas IV:Thesis Sarjana*. Indonesia: Universitas Sebelas Maret.
- Awang Sariyan. (2004). *Teras Pendidikan Bahasa Melayu Asas Pegangan Guru*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Belinda Ho. (2006). *Effectiveness of Using the Process Approach to Teach Writing in Six Hong Kong Primary Classrooms*. Hong Kong: City Univerity Of Hong Kong.
- Best J.W & Kahn J.V. (1993). *Research in Education (7th Ed)*. Needham Heights, MA: Allyn and Bacon.
- Bradley Christmas. (2007). The Role Of Brainstorming In Improving Student Writing Performance In The EFL Classroom. *ELT Journal* , 61-71.
- Burns, R. B. (2000). *Introduction To Research Method*. London: Sage Publications.
- Byrne, D. (1982). *Teaching Writing Skills*. London: Longman.
- Chance, L. (1973). The Development of an objective composition test for non-native speakers of english. *Thesis Doctor of Philosophy* .
- Che Zahariah Che Hassan dan Fadzilah Abd Rahman. (2011). Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* , 67-87.

- Chua Yan Piaw. (2006). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill.
- Darunee Dujsik. (2008). *The Effect of Pre-Writing Strategy Training Guided by Computer-Based Procedured Facilitation on ESL Student's Strategy Use Writing Quantity and Writing Quality*, Thesis PHD. Florida: University Of South Florida.
- Dayang Rositer Bte Awang Ibrahim. (2001). *Keberkesanan Penggunaan Kaedah Pembelajaran Koperatif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Aspek Tatabahasa Bahasa Melayu (Tesis Master Sains)*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Donald T.Campbell & Julian C.Stanley. (1963). *Experimental and Quasi Experimental Designs For Research*. London: Houghton Mifflin Company Boston
- Eric, R. &. (1989). *The Act Of Writing*. New York: Random House.
- Faridah Serajul Haq et.al. (2001). Masalah Penulisan Naratif di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan* , 3-26.
- Ferguson, L. (1989). *Writing With Style*. Forth Worth: Holt, Rinehart and Winston.
- Gibbon K & Morris, W. (1987). *Experimental Design*. New York: Prentice Hall, Inc.
- Graham. S & Harris K.R. (1989). Component Analysis of Cognitive Strategy Instruction: Effects on Learning Disabled Student's Compositions and Self Efficacy. *Journal Of Educational Psychology* , 353-361.
- Gronlund, E. (1993). *How To Make Achievement Test and Assessment*. Boston: Allyn and Bacon.
- Haris Fadzilah Kassim. (2002). *Masalah Menulis Karangan di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat: Satu Kajian Kes, Thesis Master Sains*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Harris K.R & Graham S. (2009). Self Regulated Strategy Development in Writing; Premises, Evolution, and Future. *British Journal Of Education Psychology* , 59-70.
- Harry Daniels. (2003). *Vygotsky and Pedagogy*. London: Taylor and Francis Group.
- Hashim Othman. (2005). Penilaian Tahap Penguasaan Kemahiran Menulis dalam Bahasa Melayu Sekolah Menengah Kebolehpercayaan Intrumen. *Persidangan Serantau Pendidikan Bahasa Melayu* , 12-16.
- Haslina Hasan. (2009). *Persepsi Murid Terhadap Amalan Pengajaran Karangan Guru Bahasa Melayu Di Sekolah Menengah*. Selangor: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Heaton, J. (1988). *Writing English Language Test*. London: Longman.

- Ishak Haron & Koh Boh Soon. (1982). *Asas-Asas Dalam Amalan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- J. Geoffery Rawlisson. (1983). *Creative Thinking and Brainstorming*. London: International Reading Assciations.
- Jablin, F. M. (1978). Implications For Problem Solving Groups Of Empirical Research On Brainstorming : A Critical Review Of The Literature. *Southern Speech Communication Journal XLIII no.4* , 327-356.
- Jamaludin Ahmad. (2002). *Kesahan, Kebolehppercayaan dan Keberkesanan Modul Program Maju Diri Ke Atas Motivasi Pencapaian di Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Negeri Selangor:Thesis Doktor Falsafah*. Serdang, Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Jasvir Kaur A/P K.Amar Singh. (2004). *The Effect of Mind Mapping Strategies on the Development of Writing Skill of Selected From Three Student, Thesis Master Sains*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Jeyagobi A/L Dhamodarem. (2000). *Persepsi dan Sikap Guru Bahasa Melayu Terhadap Kemahiran Menulis di Sekolah Rendah Kawasan Pensiangan-Salinatan Daerah Nabawan, Sabah : Satu Analisis, Thesis Master Sains*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Johnson, D. J. (1984). *Circles of Learning*. New York: ASCD.
- Kamariah Ab. Ghani. (2002). *Kesan Penggunaan Pendekatan Kemahiran Berfikir Secara Penyebatian Penuh Terhadap Pencapaian Penulisan Karangan, Thesis Master Sains*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Keraf, G. (2007). *Argumentasi dan Narasi*. Jakarta: Gramedia.
- Kishore Dharmarajan. (2007). Brainstorming Perfected. *Proquest Education Journal* , 16.
- Koh Boh Boon. (1982). *Asas-Asas Dalam Amalan Pedagogi*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Koul, R. (1984). *Experimental and Quasi-Experimental Designs For Research On Teaching*. New York: Macmillan.
- Linn L.R.& Groulund, E. (1995). *Measurement And Assessment In Teaching*. Boston: Allyn and Bacon.M. Atar Semi. (2007). *Dasar-Dasar Keterampilan Menulis*. Bandung: Angkasa.
- Mahzan Arshad. (2003). *Pendidikan Literasi Bahasa Melayu : 1 Pendekatan Bersepadu*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Margaret Gredler and Carolyn Shields. (2009). Vygotsky's Legacy:A Foundation For Research Practice. *Journal of Cognitive Education and Psychology* , 200-240.

- Marohaini Yusof. (2004). *Perlakuan dan Proses Menulis Karangan Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Max Fogiel. (2003). *The Psychology Problem Solver*. New York: Research and Education Association.
- Melanie Sperling & Sarah Warshauer Freedman. (2001). Research on Writing. *Handbook of Research on Teaching* , 370-389.
- Mohd Majid Konting. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mourad Ali Aissa. (2009). The Effectiveness Of a Program Based on Self-Regulated Strategy Development on The Writing Skill of Writing-disabled Secondary School Student. *Electronic Journal Of Research In Educational Psychology* , 5-24.
- Muhammad Yaumi. (2008, Oktober 28). *Vygotsky, Pandangan dan Kontribusinya dalam Pendidikan*. Retrieved Oktober 13, 2011, from Pendidikan Multi Kultural dan Teori Belajar: www.teoribelajar.blogspot.com
- Nadzeri Isa. (2001). *Kesan Penggunaan Bahan Rangsangan Terhadap Prestasi Penulisan Karangan Pelajar Peringkat Menengah Rendah, Thesis Master Sains*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Nawi Ismail. (2006). *Masalah Ketidakberkesanan Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Pelita Bahasa.
- Nicholas W. Kohn and Steven M. Smith. (2011). Collaborative Fixation : Effects on Other's Idea's on Branstorming. *Applied Cognitive Psychology* , 359-371.
- Nik Safiah Karim. (1986). *Bahasa Melayu : Persoalan Dan Pergolakan*. Kuala Lumpur: Gateway Publishing House.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Mc Graw Hill.
- Noresah.Baharom. (2002). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Patton, M. Q. (1980). *Qualitative Evaluation Methods*. Beverly Hills, California: Sage.
- Paulus P.B. (2000). Groups, Teams, and Creativity : The Creative Potential of Idea Generating Groups. *Applied Psychology : An International Review* , 237-262.
- Paulus, K. &. (2011). Effect Of Quantity And Quality Instruction On Brainstorming. *Journal Of Creative Behavior* , 38-48.

- Popham, W. (2000). *Modern Educational Measurement*. Boston: Allyn and Bacon.
- Reza Pishghadam and Afsaneh Ghanizadeh. (2006). On The Impact Of Concept Mapping As a Prewriting Activity On EFL Learner's Writing Ability. *IJAL Ferdowsi University of Meshed* , 4-26.
- Roland G. Tharp & Ronald Gallimore. (1988). *Rousing Minds To Life*. New York: Cambridge University Press.
- Roselan Baki. (2003). *Pengajaran dan Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu*. Selangor: Karisma Publications Sdn Bhd.
- Rusyana, Y. (1984). *Bahasa dan Sastra dalam Gamitan Pendidikan*. Bandung: CV Diponegoro.
- Sarian, A. (2004). *Teras Pendidikan Bahasa Melayu Asas Pegangan Guru*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn Bhd.
- Shahabuddin Hashim dan Rohizani Yaakub. (2003). *Psikologi Pembelajaran dan Personaliti*. Selangor: PTS Publication and Distributors SDN BHD.
- Shahabuddin Hashim, R. Y. (2007). *Pedagogi : Strategi dan Teknik Mengajar Dengan Berkesan*. Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors.
- Shahidani Dani. (2003). *Kesan Teknik Sumbang Saran Ke Atas Pencapaian Pelajar Bukan Melayu Dalam Kemahiran Menulis Peringkat Menengah Atas (Thesis Master Sains)*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Shahlan Surat. (2005). Kesan Strategi Pengajaran Metakognitif ke Atas Pencapaian Penulisan Bahasa Melayu dalam Kalangan Pelajar Tingkatan 4. *Prosiding Seminar Penyelidikan Siswazah* , 59.
- Sidek Mohd Noah. (2002). *Reka Bentuk Penyelidikan :Falsafah, Teori dan Praktis*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Slavin, E. R. (1995). *Cooperative Learning*. Boston: Allyn and Bacon.
- St. Y. Slamet. (2009). *Dasar-Dasar Keterampilan Berbahasa Indonesia*. Surakarta: UNS Press.
- Suhaimi Yunus. (2009). *Permasalahan Pembelajaran Penulisan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Orang Asli, Thesis Master Sainsi*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Sulaiman Masri. (2002). Teori Dan Pengajaran Karangan. *Bahasa Dan Kesusasteraan* , 30-35.
- Suria Baba. (2010). Pedagogi Bestari Dalam Aktiviti Prapenulisan Bahasa Melayu. In J. Long, *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu* (pp. 173-181). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Sylvie Noel & Jean Marc Robert. (2003). How The Web Is Used To Support Collaborative Writing. *Web Based Writing System* , 5-45.
- Tyas Sri Utami. (2011). *Penggunaan Metode Peta Pikiran (Mind Mapping) Untuk Meningkatkan Kemampuan Menulis Argumentasi Pada Siswa Kelas X.1 SMA Negeri 1 Slogohimo, Thesis Sarjana*. Surakarta: Universiti Sebelas Maret.
- University Of North Carolina. (2010, Mei 20). *Brainstorming*. Retrieved Oktober 14, 2011, from The Writing Center: www.writingcenter.unc.edu.com
- Van Dalen, P. (1993). *Memahami Penyelidikan Pendidikan. (Terjemahan Abdul Fatah Abdul Malik dan Mohd Majid Konting*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Vincent R.Brown and Paul B.Paulus. (2002). Making Group Brainstorming More Effective : Recommendation From An Associative Memory Perspective. *Current Directions In Psychological Science* , 208-212.
- Vygotsky, L. (1978). *Mind and Society*. Cambridge: University Press.
- Weiner, H. (1987). *Creating Compositions-Fifth Edition*. New York: McGraw-Hill Book Company.
- Wetzler, W. F. (2007). Brainstorming In the College Classroom. *Improving College and Universiti Teaching* , 34-36.
- Wiersma, W. (2000). *Research Method In Education :An Introduction.(7th ed)*. Boston: Allyn and Bacon.
- Wilson F. Wetzler. (1962). Brainstorming In The College Classroom. *Improving College and University Teaching* , 34-36.
- Yahya Yasin. (2002). *Keberkesanan Teknik Sumbang Saran dalam Penulisan Karangan bagi Pelajar-Pelajar Bukan Melayu, Thesis Master Sains*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Yaxley B.G. (1991). *Developing Teachers Theories of Teaching*. London: Falmer Press.
- Yunianto Dwi Hertanto. (2011). *Penerapan Metode Investigasi Kelompok untuk Meningkatkan Kemampuan Menulis Argumentasi Siswa Kelas X-3 SMA Negeri 5 Surakarta:Thesis Sarjana*. Surakarta, Indonesia: Universitas Sebelas Maret.
- Yus, R. (1984). *Bahasa dan Sastra dalam Gamitan Pendidikan*. Bandung: CV Diponegoro.
- Zamri Salleh dan Abdul Sukor Shaari. (2009). Kesan Model Unsur Tautan Terhadap Pengajaran Karangan Bahasa Melayu. *MJL1 VOL 6 55-78*.

Zhenhui Rao. (2007). Training in Brainstorming and Developing Writing Skills. *ELT Journal* , 100-106.

Zuraini Jusoh. (2009). *Keberkesanan Teknik Bercerita Dalam Pengajaran dan Pembelajaran Karangan Naratif Bahasa Melayu*, Thesis Master Sains. Selangor: Universiti Putra Malaysia.

